

INTEGRITI

PERKHIDMATAN AWAM

Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam telah diperkenalkan dan dibaca buat pertama kalinya semasa Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) yang diadakan pada 20 dan 21 September 1999.

Antara lain, ikrar ini adalah sebagai suatu komitmen, azam dan iltizam anggota perkhidmatan awam untuk bersama-sama mencegah dan memerangi jenayah rasuah penyelewengan dan salahguna kuasa. Di samping itu, untuk menzahirkan komitmen bersepadu untuk bertindak tegas terhadap elemen-elemen yang boleh menggugat integriti dan imej pegawai awam.

LAFAZ IKRAR

Kami, Pegawai Awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

- ❖ Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- ❖ Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- ❖ Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
- ❖ Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- ❖ Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba mengugat integriti dan imej Pegawai Awam;
- ❖ Mematuhi sepenuhnya Kod Etika Jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

KAWALAN SISTEM DALAM

PENCEGAHAN RASUAH

Sesebuah jabatan, syarikat atau organisasi memerlukan berbagai sistem yang berkaitan bagi membolehkan ianya berfungsi untuk mencapai objektif penubuhannya. Di antara sistem tersebut adalah sistem pentadbiran kakitangan, rekod, perakaunan dan pengurusan kewangan. Untuk menggerakkan berbagai rangkaian aktiviti serta komponen-komponen di dalam sistem ini pula, diperlukan susunatur prosedur atau tatacara kerja.

Sistem-sistem dan tatacara kerja ini akan menjadi rapuh dan bermasalah kecuali jika ianya sentiasa dikawal, diselia dan dikemaskini. Ketiadaan atau kegagalan mengawal sistem dan tatacara kerja akan mengakibatkan bukan sahaja sistem dan tatakkerja itu tidak berfungsi seperti yang diharapkan, tetapi juga akan membuka ruang dan memberi peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan penyalahgunaan kuasa dan lain-lain kelemahan pengurusan. Keadaan ini akan mengakibatkan kerosakan atau kemusnahan serta kerugian kepada jabatan, syarikat atau organisasi berkenaan. Ianya juga memberi kesan negatif kepada imej dan kewibawaan jabatan, syarikat atau organisasi itu. Di samping itu, integriti kakitangan boleh menurun dan akhirnya objektif dan matlamat kewujudan jabatan, syarikat atau organisasi itu tidak akan tercapai.

Kawalan Sistem

Kawalan sistem merupakan suatu mekanisme yang dirangka bagi mencegah atau menutup ruang serta peluang yang menjadi punca kepada berlakunya rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa dan lain-lain kelemahan pengurusan di semua peringkat pelaksanaan operasi sesebuah jabatan, syarikat atau organisasi.

Keperluan Kawalan Sistem

Mekanisme kawalan sistem akan menyebabkan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa menjadi amat sukar untuk dilakukan dan mudah pula untuk dikesan (*hard to commit and easy to detect*). Kakitangan pula akan menganggap rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa merupakan suatu perbuatan yang amat berisiko tinggi dengan pulangan yang tidak berbaloi.

Tahap produktiviti sesebuah jabatan, syarikat atau organisasi adalah dipengaruhi oleh sistem dan tatacara kerja yang diamalkan oleh jabatan, syarikat atau organisasi berkenaan. Sistem dan tatacara kerja yang baik akan menggalakkan produktiviti kerana proses kerja dapat berjalan dengan licin dan cekap. Sebagai contoh, sistem fail yang baik akan mempercepatkan proses membuat keputusan kerana maklumat-maklumat yang tersimpan di dalam fail boleh diperolehi apabila diperlukan. Keputusan yang cepat akan melicinkan kerja dan seterusnya ini membawa kepada peningkatan produktiviti. Kecekapan dalam membuat keputusan dan memberi perkhidmatan juga dapat menyekat peluang perlakuan rasuah.

Mekanisme kawalan sistem itu perlu mempunyai prinsip-prinsip untuk dipatuhi oleh semua kakitangan jabatan/syarikat/organisasi seperti berikut:

Wujudnya Dasar, Undang-undang, Peraturan Atau Arahan Yang Jelas

- Ada dasar/peraturan/arahan bertulis.
- Ianya tidak kabur atau ambiguous.
- Peraturan dan arahan tidak bercanggah dengan dasar dan undang-undang.
- Tidak mewujudkan penompokan kuasa.
- Ada Empowerment berserta garis panduan kerja.
- Ada kawalan atau mengadakan kriteria jelas bagi penggunaan kuasa budibicara.
- Ianya dimaklumkan dan diperjelaskan.
- Ianya mudah, jelas dan praktikal.
- Tidak lapok dan kemaskini.

Wujudnya Sistem dan Tatacara Kerja Yang Jelas

- Ada tatacara kerja dan didokumenkan.
- Sistem dan tatacara kerja tidak bertentangan dengan dasar/peraturan/arahan induk.
- Ianya dimaklumkan dan diperjelaskan.
- Ianya mudah dan jelas serta dapat mengelakkan halangan-halangan birokrasi.
- Tidak lapok dan kemaskini.
- Ianya telus di semua peringkat proses kerja.
- Ada standard atau norma masa.
- Ada criteria membuat keputusan.
- Ada akauntabiliti di semua peringkat proses kerja.

Penyeliaan Yang Berkesan

- Ada kaedah pemantauan dan penyeliaan.
- Ada kaedah pengawalan disiplin kakitangan
- Ada mekanisme check and balance.
- Mengendalikan semakan secara berkala.

Khidmat Nasihat

Pencegahan rasuah melalui kawalan sistem telah menjadi tugas dan tanggungjawab BPR sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 8 (c) , (d) dan (e) Akta Pencegahan Rasuah (APR), 1997 (Akta 575) yang sekali gus menetapkan secara khusus peranan dan tanggungjawab Bahagian Pencegahan, Ibu Pejabat dan Unit Pencegahan, Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia peringkat negeri iaitu:-

- **Seksyen 8 (c) :** Meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta ini dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem dan tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pengarah mungkin membawa kepada rasuah;
- **Seksyen 8 (d) :** Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu; dan
- **Seksyen 8 (e) :** Menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem dan tatacara yang sesuai dengan penunaian berkenaan kewajipan-kewajipan badan-badan awam itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah.

(Y.M. Raja Khan Bin Ahmad, Buletin BPR Jan./Feb./Mac 2003)